

**D.R. 37/93**

**Naskhah Sahth—Bahasa Kebangsaan**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 1993. Tajuk ringkas
  
2. Akta Cukai Perkhidmatan 1975, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam seksyen 2— Pindaan seksyen 2. Akta 15!
  - (a) dengan memasukkan selepas takrif "ditetapkan" takrif yang berikut:

' "dokumen" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 3 Akta Keterangan 1950;'

Akta 56
  
  - (b) dengan memasukkan selepas takrif "Ketua Pengarah" takrif vane berikut:

' "komputer" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 3 Akta Keterangan 1950;'; dan

Akta 56.

(c) dengan memasukkan selepas takrif "perkhidmatan yang kena dibayar cukai" takrif yang berikut:

' "pertukaran data elektronik" ertinya pemindahan, dari komputer ke komputer, transaksi perdagangan dan pentadbiran dengan menggunakan standard perutusan yang dipersetujui untuk menstrukturkan data yang berhubungan dengan sesuatu transaksi;'

Pindaan  
seksyen 49.

3. Proviso kepada seksyen 49 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "yang tidak dicetak atau dikeluarkan sedemikian" perkataan "seperti yang disebut terdahulu, atau membenarkan penggunaan apa-apa borang yang dikemukakan melalui pertukaran data elektronik".

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975 ("Akta").

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 2 Akta untuk memasukkan takrif bagi perkataan-perkataan yang digunakan dalam Akta.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda proviso kepada seksyen 49 Akta untuk membolehkan Ketua Pengarah membenarkan penggunaan borang-borang yang dikemukakan melalui pertukaran data elektronik.

#### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1756.]